

Buka Mapim kepada IPTS

Langkah untuk tingkat penerbitan berunsur ilmiah di dalam negara

>>Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@yahoo.com

KUALA LUMPUR: Keanggotaan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) dicadangkan diperluaskan ke peringkat institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam usaha meningkatkan lagi jumlah penerbitan ilmiah di negara ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, jumlah IPTS yang lebih besar berbanding institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini wajar diberi kesempatan kerana dilihat membantu usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah.

Menurut beliau, jumlah penerbitan buku ilmiah oleh ahli Mapim pada tahun lalu sebanyak 570 judul dan 70 peratus daripadanya ditulis dalam bahasa Melayu.

Katanya, beberapa usaha penerbitan boleh dilakukan antaranya peranan daripada penerbit universiti (university press) yang mana mereka perlu mempergiatkan usaha mencari naskhah terbaik untuk diterjemahkan.

"Ini boleh dilakukan dengan menerbitkan tesis ter-



FOTO | Yong Chee Chong

TAHNIAH...
Mohamed Khaled (tengah) berbulu dengan sebahagian penerima anugerah, semalam.

pilih yang dihasilkan graduan sama ada di peringkat sarjana atau ijazah kedoktoran kerana selama ini, banyak tesis hanya tersimpan dalam perpustakaan semata-mata dan hanya boleh diakses sebilangan kecil saja.

"Justeru lebih elok sekiranya dinaik taraf kepada bentuk ilmiah kerana ia membantu orang ramai melakukan rujukan dengan lebih terbuka," katanya dalam ucapan di Majlis Penyampaian Anugerah Mapim 2011, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Penga-

rah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Prof Dr Ruhjan Mustafa dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Mapim, Prof Dr Asma Ismail.

Mohamed Khaled berkata, selain menerbitkan buku ilmiah daripada tesis terpilih, penerbitan juga boleh diperbanyakkan melalui usaha penterjemahan melalui penulisan akademik bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Dalam majlis itu, enam anugerah disampaikan iaitu Anugerah Buku Terbaik Ke-

manusiaan dan Sains Sosial; Buku Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan; Makalah Jurnal Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial; Makalah Jurnal Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan; Editor Naskhah Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial dan Anugerah Editor Naskhah Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan.

Anugerah Sanjungan 2011 turut disampaikan kepada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi.